



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM JALINAN KASIH KPWKM BERSAMA NGO 2023

ARAS 2, WORLD TRADE CENTRE, KUALA LUMPUR

6 NOVEMBER 2023 (ISNIN) | 12.00 tengah hari

Kemas kini 5 November 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. ___ Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam **Program Jalinan KASIH KPWKM Bersama NGO** ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sebagai penganjur serta semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang hadir pada hari ini.

3. Program seperti ini adalah amat penting supaya semua pihak yang berkepentingan seperti NGO dapat menyuarakan cadangan dan idea bagi membantu KPWK

dalam membangunkan wanita, keluarga dan masyarakat dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

(B) PERANAN NGO DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

4. NGO merupakan suara kepentingan awam yang tidak bersifat komersial, dibina dari semangat kuat individu atau

kumpulan untuk memajukan nilai sosial dan pembangunan komuniti.

5. Penubuhan sesebuah NGO mungkin tercetus daripada pengalaman, minat, idea dan semangat perjuangan yang kuat daripada individu atau kumpulan tertentu untuk bertindak terhadap sesuatu perkara yang sangat dekat di hati mereka (*issue they are most passionate about*) serta misi sosial yang ingin dicapai dalam masyarakat dan negara.

6. Dengan peranan kritikal dalam membantu kerajaan merumus dasar dan menyampaikan perkhidmatan, NGO berdiri sebagai rakan kunci memperjuangkan kebajikan masyarakat, khususnya golongan rentan.

7. NGO juga disebut sebagai sektor ketiga selepas sektor awam dan sektor swasta, yang membantu menyelesaikan masalah negara dan menangani pelbagai keperluan sosial termasuk isu hak asasi manusia, kemiskinan dan

memperjuangkan hak-hak golongan rentan seperti wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU) ke arah kesejahteraan rakyat dan negara.

8. Oleh itu, pemerksaan NGO akan melahirkan sebuah negara yang mana rakyatnya mempunyai sifat **ihسان** selaras dengan kerangka Malaysia Madani yang ditafsirkan dengan makna masyarakat yang peduli dan mengasihi antara satu sama lain.

(C) BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (BKP)

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

9. Pelbagai usaha dan kerjasama yang telah dilaksanakan oleh KPWKM bersama dengan NGO. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah menerusi peruntukan Bantuan Khas

Perbendaharaan (BKP) iaitu bantuan kewangan Kerajaan yang diagihkan kepada NGO bagi menjalankan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

10. Sejak tahun 2001 hingga 2023, **lebih dari RM96 juta telah disalurkan kepada 2,672 NGO untuk melaksanakan 6,697 program, memberi manfaat kepada hampir 1 juta peserta di seluruh negara**, peranan NGO sebagai penghubung kritikal antara kerajaan dan komuniti.

11. Selain itu, NGO juga dilibatkan dalam pelbagai sesi dan sumbang saran (*brainstorming*) yang dianjurkan oleh Kerajaan bagi mendapatkan idea dan pandangan tentang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan negara.

(D) PROGRAM JALINAN KASIH KPWKM BERSAMA NGO

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

12. Program Jalinan KASIH antara KPWKM dan NGO dicipta sebagai platform kerjasama agar hala tuju dan agenda pemerkasaan wanita, keluarga, dan masyarakat di peringkat kebangsaan adalah selari dengan matlamat dan tindakan di peringkat NGO.
13. Inisiatif ini menyediakan peluang kepada NGO untuk memberikan pandangan dan cadangan yang akan meningkatkan program, mengukuhkan peranan NGO, serta

memperluaskan kerjasama strategik antara KPWKM dan NGO.

14. Hal ini penting supaya kita membawa satu suara yang sama dalam usaha pembangunan sebuah masyarakat Malaysia Madani ini.
15. Selain itu, satu direktori yang mengandungi maklumat berkaitan NGO yang menawarkan perkhidmatan berkaitan

kumpulan sasar KPWKM juga akan dilancarkan pada majlis ini bagi memudahkan rujukan dibuat oleh wanita, keluarga dan masyarakat yang memerlukan bantuan NGO.

16. Saya ingin memetik kata-kata daripada Ban Ki-moon, iaitu mantan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatakan:

"NGOs are the lifeblood of our society, working tirelessly to improve the lives of those most in need."

17. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa dunia turut menghargai jasa dan sumbangan NGO serta peri pentingnya peranan NGO dalam pembangunan masyarakat sesebuah negara.

(E) HARAPAN

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

18. Saya berharap platform pada hari ini dijadikan sebagai satu peluang untuk mengadakan perbincangan yang rasional dan matang demi mencapai yang terbaik untuk negara.
19. Dengan kerjasama yang jitu dan utuh antara Kerajaan dan NGO, maka setiap usaha dan inisiatif yang dilaksanakan

secara bersama akan memberi manfaat yang lebih besar dan berkesan kepada rakyat secara keseluruhan.

20. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Pergi Belayar Dengan Nakhoda,

Merentas Lautan Dengan Bahtera,

Kerajaan dan NGO Berpisah Tiada,

Negara Maju Rakyat Sejahtera.

21. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Jalinan KASIH KPWKM Bersama NGO.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

6 November 2023